



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4KIt.47 (01)

Tarikh : 3 Januari 2022

SIARAN MEDIA

JANGAN BERLENGAH KETIKA BENCANA BERLAKU

SEGAMAT, 3 Januari 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyarankan agar rakyat yang berada di kawasan berisiko banjir supaya "Jangan Berlelah" untuk keluar dari kediaman dan bersedia untuk berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang telah ditetapkan.

YB Dato' Sri Reezal Merican memberi nasihat berkenaan ketika menyertai Unit Pasukan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat tinjauan operasi banjir di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor serta membawa bantuan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Daerah Segamat, Johor. Beliau bersama-sama pasukan JBPM berkesempatan menyantuni mangsa-mangsa banjir di PPS Kampung Pudu, Kampung Lubuk Lanjut dan SK Batu Anam, Segamat Johor.

PPS Kampung Pudu menempatkan 53 orang mangsa dari 14 buah keluarga, PPS Kampung Lubuk Lanjut mempunyai 94 orang mangsa dari 26 buah keluarga manakala PPS SK Batu Anam menempatkan 254 orang mangsa dari 81 buah keluarga.

Beliau turut menerima taklimat ringkas yang disampaikan oleh YS Dato' Haji Yahaya bin Haji Madis berkenaan situasi banjir di negeri Johor yang menunjukkan peningkatan jumlah mangsa banjir khususnya di Segamat. Sehingga jam 1.00 petang ini, seramai 3,284 orang mangsa dari 853 buah keluarga telah dipindahkan ke 47 buah PPS di daerah Segamat sahaja. Keseluruhan negeri Johor mencatatkan jumlah mangsa seramai 4,062 orang daripada 1,064 buah keluarga.

YB Dato; Sri Reezal Merican turut menyatakan bahawa pasukan bomba dan penyelamat di semua negeri yang sedang dilanda monsoon timur laut telah pun bersedia dan sepenuhnya dengan kekuatan sebanyak 7,257 orang keseluruhannya. Selain itu, 438 buah aset dan jentera telah diatur gerak di semua kawasan berisiko bagi memudahkan operasi menyelamatkan dan pemindahan dilakukan.

Beliau juga memberikan penghargaan dan pujian terhadap pengurusan bencana yang cukup baik dan teratur di negeri Johor yang membolehkan proses pemindahan mangsa berjalan dengan lancar. Usaha menyelamatkan dan pemindahan mangsa secara bersepadu yang diselaraskan oleh Kerajaan Negeri serta antara agensi kerajaan termasuk JBPM di Negeri Johor amatlah baik dan cekap.

YB Dato' Sri Reezal Merican juga merafak setinggi-tinggi kasih Kebawah DYMM Tuanku Sultan Johor dan DYAM Tunku Mahkota Johor yang berkenan mencemar duli, berangkat turun melihat sendiri keadaan rakyat yang terjejas akibat banjir ini sejak dari kejadian banjir ini berlaku. Keberangkatan Baginda berdua mencerminkan keprihatinan Raja Pemerintah terhadap kebajikan rakyat.

KPKT turut menyerahkan 700 unit Bakul Bencana KPKT sumbangan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) berupa barangan makanan kering seperti beras, air mineral, tepung, gula dan sebagainya kepada semua keluarga mangsa yang terkesan di PPS yang dilawati. Beliau turut memberi jaminan, bahawa KPKT akan memastikan usaha pemulihan akan diteruskan setelah banjir surut di Segamat.

Dengan peruntukan **sebanyak RM67.5 juta bagi tujuan kerja-kerja pasca banjir** yang diumumkan baru-baru ini, ia juga meliputi persediaan banjir gelombang kedua di Johor, Kelantan, Terengganu, Perak, dan Pulau Pinang. KPKT telah menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM7.8 juta bagi kerja perkhidmatan kutipan, pembersihan dan pelupusan sisa banjir. Ini menjadikan, jumlah peruntukan untuk kerja-kerja pembersihan pasca banjir secara kumulatifnya adalah berjumlah RM20.4 juta.

Kementerian terus menyeru orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga menjelang ramalan gelombang kedua banjir. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan *Nasional Disaster Command Centre* (NDCC) di 03-8064 2400 sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

